

## CUEPACS kesal tindakan biadap Ronnie Liu

Oleh [Noor Atiqah Sulaiman](#) - Julai 7, 2021 @ 3:24pm  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Presiden CUEPACS, Adnan Mat. - Foto fail NSTP

PUTRAJAYA: CUEPACS kesal dengan tindakan biadab dilakukan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pelek, Ronnie Liu yang melakukan provokasi dan menghalang penjawat awam daripada menjalankan tugas dalam satu kejadian di Raub, Pahang, Isnin lalu.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Adnan Mat, berkata lebih memalukan apabila tindakan itu dilakukan oleh seorang individu yang sepatutnya menjadi contoh teladan baik kepada masyarakat.

Beliau berkata, bagaimanapun tindakan yang dilakukan oleh Liu itu hanya mencerminkan jati dirinya yang jelas melanggar prinsip kedaulatan undang-undang serta kesopanan dan kesusilaan yang terkandung dalam Rukun Negara.

Katanya, jika tindakan wakil rakyat itu dilakukan kerana muh bermain politik, maka sepatutnya tidak membabitkan penjawat awam yang hanya muh melaksanakan tugas dengan baik serta terkawal.

"Tindakan Liu yang mengeluarkan kata-kata provokasi terhadap pegawai polis bertugas seperti "Pangkat apa? Balai mana? Apasal jahat sangat? Siapa You?" jelas menunjukkan beliau tidak menghormati undang-undang dan penjawat awam yang bertugas. Sepatutnya beliau tidak perlu bertanyakan pangkat dan di mana pegawai polis tersebut bertugas. Adakah Ronnie Liu hanya akan mendengar arahan daripada pegawai yang berpangkat tinggi sahaja?

"Dalam hal ini CUEPACS ingin mempersoalkan siapakah Ronnie Liu dan apakah kepentingan beliau sehingga sanggup bertindak biadap. Sebagai ahli politik yang berpengalaman beliau sepatutnya lebih bijak mengawal emosi dan sedar dengan akan kesan bagi setiap tindakan yang dilakukan," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Justeru, Adnan berkata, CUEPACS mahu tindakan tegas perlu diambil terhadap mana-mana individu yang sengaja membuat provokasi terhadap penjawat awam yang sedang menjalankan tugas, sebagai pengajaran kepada semua pihak terutamanya membabitkan pemimpin masyarakat yang bertindak di luar norma kebiasaan.

Katanya, tindakan pemimpin masyarakat yang mengganggu penjawat awam ketika menjalankan tugas adalah satu budaya yang tidak sihat serta memberi gambaran kurang baik kepada rakyat.

Adnan berkata, peraturan dan undang-undang sedia ada di negara ini adalah rujukan kepada rakyat dalam menyelesaikan sebarang permasalahan.

Katanya, CUEPACS turut berharap semua pihak memberikan kerjasama yang baik dan tidak sesekali mengganggu tugas penjawat awam dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

"Kita juga mengucapkan tahniah kepada pegawai polis yang terbabit kerana berjaya mengawal situasi walaupun menerima provokasi.

"CUEPACS sentiasa memberikan sokongan kepada penjawat awam bagi memastikan mereka melaksanakan tugas tanpa rasa gentar selagi mana ia tidak menyalahi peraturan dan undang-undang sedia ada.

"Masyarakat diharap dapat memberikan sokongan moral kepada penjawat awam yang berani untuk mempertahankan tanggungjawab mereka walaupun kadangkala dicabar atau diherdik oleh sesetengah pihak yang tidak mahu memahami peranan dan fungsi penjawat awam dalam melaksanakan tugas," katanya.

Isnin lalu, proses permohonan reman 18 pekebun durian Musang King di perkarangan Mahkamah Raub kecoh selepas berlaku pertengkaran antara pihak berkuasa dan beberapa pemimpin politik termasuk Liu.

Pertengkaran mula hangat selepas seorang anggota polis meminta orang ramai termasuk pemimpin politik keluar daripada kawasan mahkamah selepas individu yang direman dibawa keluar.